

Headline	Saham TNB pacu pasaran		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B16
ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,365		



# Saham TNB pacu pasaran

» *FBM KLCI*  
naik 6.14 mata  
dirangsang  
keuntungan  
saham utiliti

**B**ursa Malaysia ditutup pada paras tinggi paling baru 1,824.29, dirangsang oleh keuntungan dalam saham Tenaga Nasional Bhd (TNB), melepasi paras tinggi 1,818.93 yang dicatatkan pada 24 Oktober.

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup 6.14 mata lebih tinggi selepas berlegar antara 1,821.66 dan paras tinggi seharian 1,840.12.

Jumlah dagangan merosot kepada 1.24 bilion saham bernilai RM2.1 bilion daripada 1.25 bilion saham bernilai RM1.39 bilion kelmarin.

Peserta pasaran mengalu-alukan langkah berterusan kerajaan merasionalisasikan subsidi menerusi semakan semula tarif elektrik kelmarin dan ini dapat dilihat pada harga saham TNB.

Saham syarikat utiliti gergasi itu mengukuh 0.83 sen atau 8.39 peratus kepada RM10.72, selepas mencecah paras setinggi RM12.60, dengan 46.71 juta saham dinia-gakan.

JPMorgan Chase Bank dari Singapura berkata, semakan semula tarif itu mewakili satu lagi desakan untuk pengukuhan fiskal dan ini boleh menjimatkan sehingga RM4 bilion

dalam kedua-kedua kehilangan pendapatan daripada Petronas dan subsidi langsung kerajaan.

“Sebelum ini, kita agak waswas dalam mengekalkan pengukuhan fiskal tetapi sejak kebelakangan ini, bukti menunjukkan pembaharuan fiskal bergerak lebih pantas daripada dijangkakan dan amat positif dengan perkembangan selanjutnya.

“Ini mungkin merubah persepsi pelabur mengenai risiko fiskal di Malaysia dan menyediakan sokongan kepada akaun modal,” katanya dalam satu nota semalam.

Di papan skor, Indeks Kewangan meningkat 68.7 mata kepada 16,770.11 dan Indeks Perladangan menokok 53.57 mata kepada 8,913.12 sementara Indeks Perindustrian lebih rendah 28 mata kepada 3,146.08.

Indeks FBM Emas menambah 32.38 mata kepada 12,629.76,

Indeks FBMT100 lebih tinggi 36.12 mata kepada 12,365.84 dan FBM 70 mengembang 18.87 mata kepada 14,192.78.

FBM Ace naik 9.59 mata kepada 5,553.67.

Bagaimanapun, kerugian mengatasi keuntungan dengan 445 berbalas 325, 324 kaunter tidak berubah, 472 tidak dinia-

gakan dan 20 digantung.

Di kalangan saham aktif, DSC Solutions kerugian 9.5 mata kepada 13.5 sen dan Sumatec meningkat setengah sen kepada 28 sen.

Saham-saham berwajaran tinggi, Maybank meningkat satu sen kepada RM9.83, CIMB menokok tujuh sen kepada RM7.62 sementara Sime Darby susut empat sen kepada RM9.61.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama meningkat kepada 905.23 juta unit bernilai RM2.02 bilion daripada 832 juta unit bernilai RM1.31 bilion kelmarin.

Jumlah dagangan di pasaran ACE susut kepada 285.55 juta saham bernilai RM69.76 juta daripada 377.27 juta saham bernilai RM77.26 juta kelmarin.

Waran pula mengembang kepada 45.68 juta unit bernilai RM7.44 juta daripada 31.84 juta unit bernilai RM3.7 juta kelmarin.

Produk pengguna menguasai 40.37 juta saham di Pasaran Utama, produk perindustrian 71.72 juta, pembinaan 49.96 juta, urus niaga dan perkhidmatan 388.53 juta, teknologi 38.63 juta, infrastruktur 30.73 juta, SPAC 16.61 juta, kewangan 47.7 juta, perhotelan 90,500, hartanah 198.33 juta, perladangan 14.71 juta, perlombongan 42,000, REIT 7.57 juta dan dana tertutup 99,000.

**BERNAMA**